



## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

---

### PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 3 TAHUN 2022

---

#### **PENENTUAN KEPERLUAN PEPASANGAN KESELAMATAN KEBAKARAN (PKK) BAGI PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK / TASKA / TABIKA DAN TADIKA**

#### **LATARBELAKANG**

1. Penubuhan Pusat Asuhan Kanak-Kanak/ TASKA / TABIKA dan TADIKA di tempat kerja atau kawasan berhampiran dengan tempat kerja merupakan salah satu langkah bagi memudahkan ibu-bapa mengurus penjagaan anak-anak dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan kualiti masa bekerja mereka.
2. Kecenderungan menyediakan Pusat Asuhan Kanak-Kanak/ TASKA / TABIKA dan TADIKA ditempat kerja ini samada di bangunan setingkat, dua tingkat atau tingkat yang lebih tinggi telah disyorkan dan digalakkan oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).
3. Pada keadaan semasa lokasi Pusat Asuhan Kanak-Kanak/ TASKA / TABIKA dan TADIKA hanya dijalankan di balai raya/dewan masyarakat, di rumah kediaman (seperti rumah teres, rumah berkembar dan rumah banglo).

## TERHAD

### PUNCA KUASA

4. Penilaian JBPM ke atas keselamatan kebakaran Pusat Asuhan Kanak-Kanak/ TASKA / TABIKA dan TADIKA adalah berdasarkan pada peruntukan perundangan, dasar, peraturan dan garis panduan sedia ada dan perubahan semasa ke semasa seperti berikut:-

- a. Akta Perkhidmatan Bomba 1984 (Akta 341)
- b. Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506)
- c. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308)
- d. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UUKBS)
- e. *Sarawak Building Ordinance 1994.*
- f. *Malaysian Standard (MS) 1539 - Specification for Portable Fire Extinguisher.*
- g. *National Fire Protection Association (NFPA) 101- Life Safety Building Code.*
- h. *National Fire Protection Association (NFPA) 220- Standard on Types of Building Construction.*
- i. Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 7 Tahun 2017.
- j. Garis Panduan Perancangan dan Penubuhan TASKA TADIKA 2017 (GDP 2017) PLANMalaysia.

dan; Keputusan yang telah ditetapkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Bil.1 Tahun 2020.

### TUJUAN

5. Perintah Tetap ini bertujuan untuk: -
- a. Mengkaji dan menentukan keperluan PKK bagi Pusat Asuhan Kanak-Kanak/ TASKA / TABIKA dan TADIKA
  - b. Menjelaskan jenis-jenis bangunan, lokasi dan ketinggian yang dibenarkan untuk dijadikan Pusat Asuhan Kanak-Kanak/ TASKA / TABIKA dan TADIKA.

## TERHAD

- c. Mengambil kira arahan dari pekeliling Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 7 Tahun 2017 dan Garis Panduan Perancangan dan Penubuhan TASKA TADIKA 2017 (GDP 2017) PLANMalaysia.

## TAFSIRAN

**"Rumah Kedai"** ertinya sesuatu bangunan, yang sebahagiannya direkabentuk, dipadan atau digunakan bagi maksud-maksud perniagaan;

**"Rumah Teres"** ertinya sesuatu bangunan kediaman yang direkabentuk sebagai suatu unit kediaman tunggal dan menjadi sebahagian daripada deretan atau teres yang tidak kurang daripada tiga bangunan kediaman sedemikian;

**"Banglo"** ertinya rumah sebuah (tidak berangkai dsb) yang besar dan mempunyai kawasan yg tersendiri. (Kamus Dewan Edisi Keempat).

**"Kondominium"** ertinya bangunan pangsapuri yg setiap pangsapurinya dimiliki secara perseorangan dan bahagian-bahagian tertentu dimiliki bersama. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

**"Rumah Pangsa"** ertinya sesuatu kediaman berasingan yang diguna atau dibina atau dipada untuk digunakan keseluruhan atau terutamanya bagi kediaman manusia sekeluarga, di mana dapur, tandas dan bilik mandi atau jamban pamnya terletak dalam kediaman berasingan itu dan kediaman itu terletak dalam suatu bangunan yang terdiri daripada dua atau lebih kediaman tersebut yang bersambung secara menegak.

**"TADIKA"** ertinya di bawah peruntukan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), TADIKA didefinisikan sebagai mana-mana tempat di mana pendidikan prasekolah (4 hingga 6 tahun) disediakan untuk 10 orang murid atau lebih;

**"TASKA"** Taman Asuhan Kanak-Kanak ertinya menurut peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308), TASKA bermaksud mana-mana premis yang

## TERHAD

menerima masuk 4 atau lebih kanak-kanak di bawah umur 4 tahun dari lebih daripada satu isi rumah untuk dijaga dengan upah. TASKA terbahagi kepada empat (4) jenis seperti di **Jadual 1**.

“**Tingkat**” ertinya ruang antara permukaan atas tiap-tiap lantai dengan permukaan lantai yang sebaik sahaja di lantai atasnya, atau jika sekiranya tidak ada lantai tersebut, dengan sebelah bawah alang kecil bumbungnya atau penutup lain atau jika sekiranya tidak ada alang atau alang kecil itu, dengan paras separuh daripada tinggi tegak sebelah bawah kasau atau penyangga lain bumbung itu;

“**Tingkat bawah**” ertinya tingkat terbawah sekali bagi sesuatu bangunan yang ada pintu masuk daripada luar pada atau di atas paras tanah di hadapan bangunan itu;

“**Tingkat bawah tanah**” ertinya sesuatu tingkat atau tingkat-tingkat bangunan yang terletak di paras yang lebih rendah daripada tingkat bawah;

“**UUKBS**” Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

**Jadual 1: Jenis-jenis TASKA**

Jenis	Penerangan
• TASKA di Rumah	Taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk 4 hingga 9 orang kanak-kanak dalam rumah orang yang didaftarkan.
• TASKA di Institusi	Taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk 10 orang kanak-kanak atau lebih.
• TASKA di Tempat Kerja	Taman asuhan kana-kanak yang disediakan di mana-mana tempat kerja.
• TASKA Komuniti	Taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk 10 orang kanak-kanak atau lebih di kawasan keluarga berpendapatan rendah (pendapatan isi

## TERHAD

	rumah RM2,000.00 di kawasan bandar dan kurang RM1,200.00 di luar bandar) dan menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.
--	---

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, KPWKM 2011

## PENETUAN LOKASI DAN HAD KETINGGIAN

### 6. Penentuan Lokasi

- a. Dibenarkan di lot kediaman dengan mematuhi syarat seperti berikut:
  - i. Bagi kediaman jenis sesebuah atau berkembar (Rujukan: (GDP 2017) PlanMalaysia).
  - ii. Bagi kediaman jenis teres hanya lot tepi atau *corner* lot sahaja dibenarkan.( Rujukan: (GDP 2017) PlanMalaysia)
  - iii. Dibenarkan di bangunan yang dibina khas berdasarkan Jadual Kelima Ketetapan Kumpulan Maksud UUKBS 1984 bagi penempatan Pusat Asuhan Kanak-Kanak / TASKA / TABIKA dan TADIKA
  - iv. Lokasi atau penempatan premis yang hendak dijadikan Pusat Asuhan Kanak-Kanak / TASKA / TABIKA dan TADIKA hendaklah tidak berada di kawasan yang berisiko kebakaran. (merujuk UUK139).

7. Had ketinggian yang dibenarkan adalah berdasarkan kepada kategori pembinaan seperti **Jadual 2**.

**Jadual 2: Had ketinggian yang dibenarkan berdasarkan jenis bangunan.**

No.	Kegunaan Bangunan	Had Ketinggian Dibenarkan	Penerangan
1.	Pejabat  <b>Sila rujuk Gambarajah 1</b>	Sehingga tingkat 5 dengan syarat tidak melebihi 18 meter	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sehingga tingkat 2 sahaja sekiranya tidak dilengkapi sistem semburan air automatik.</li> <li>• Sehingga tingkat 5 dengan syarat tidak melebihi 18 meter sekiranya dilengkapi dengan sistem semburan air automatik (<i>sprinkler system</i>).</li> <li>• Jenis bahan binaan yang tidak mudah terbakar (non-combustible).</li> </ul>
2.	Perumahan a) Pangsapuri. b) Kondominium.  <b>Sila rujuk Gambarajah 2</b>	Sehingga tingkat 1.	Jenis bahan binaan yang tidak mudah terbakar (non-combustible).
3.	Rumah teres/banglo/rumah berkembar  a) 1 tingkat  b) 2 tingkat dan 3 tingkat	Tingkat 1  Sehingga tingkat 1	Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) jalan keluar  Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) jalan keluar termasuk pintu dan tangga keluar.

TERHAD

	<p><b>Sila rujuk Gambarajah 3</b></p>		
4.	<p>Institusi</p> <p>a) Kesihatan.</p> <p>b) Pendidikan.</p> <p><b>Sila rujuk Gambarajah 4</b></p>	Sehingga tingkat 1.	Jenis bahan binaan yang tidak mudah terbakar (non-combustible).
5.	<p>Komersial</p> <p>a) Kompleks Membeli - belah</p> <p>b) Kedai Pejabat</p> <p>c) Rumah Kedai</p> <p><b>Sila rujuk Gambarajah 5</b></p>	<p>a) Tingkat bawah sahaja.</p> <p>b) Sehingga tingkat 1.</p> <p>c) Sehingga tingkat 1.</p>	<p>Jenis bahan binaan yang tidak mudah terbakar (non-combustible).</p> <p>Tidak dibenarkan di tingkat bawah Pusat Asuhan Kanak-Kanak / TASKA / TABIKA dan TADIKA sama tingkat dimana terdapatnya restoran, medan selera, cafe, bistro dan seumpamanya.</p>
6.	<p>Pembangunan Bercampur (mix development) Dengan Akses Keluar Berasingan (Separate Exit Access).</p> <p><b>Sila rujuk Gambarajah 6</b></p>	Sila rujuk penerangan	<p>Syarat adalah sama seperti kegunaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pejabat sehingga tingkat 5 atau tidak melebihi 18 meter</li> <li>• Perumahan sehingga tingkat 1</li> <li>• Institusi sehingga tingkat 1 dan</li> <li>• Komersial.</li> <li>• Kompleks Membeli -</li> </ul>


TERHAD

			<p>belah tingkat bawah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kedai Pejabat sehingga tingkat 1.</li> <li>• Rumah Kedai sehingga tingkat 1.</li> </ul>
6	<p>Pembangunan Bercampur (mix development) Dengan Akses Keluar Bersama (Shared Exit Access).</p> <p><b>Sila rujuk Gambarajah 7</b></p>	Tingkat bawah.	Syarat adalah berdasarkan rekabentuk akses keluar.




GAMBARAJAH 1: BANGUNAN PEJABAT

TERHAD




GAMBARAJAH 2: PERUMAHAN (PANGSAPURI & KONDOMINIUM)



GAMBARAJAH 3: RUMAH TERES/BANGLO/RUMAH BERKEMBAR

TERHAD




GAMBARAJAH 4: INSTITUSI (KESIHATAN & PENDIDIKAN)



GAMBARAJAH 5: KOMERSIAL (KOMPLEKS MEMBELI BELAH, KEDAI PEJABAT & RUMAH KEDAI)

# TERHAD



GAMBARAJAH 6: PEMBANGUNAN BERCAMPUR DENGAN LALUAN PELEPASAN DIRI BERBEZA



GAMBARAJAH 7: PEMBANGUNAN BERCAMPUR DENGAN LALUAN PELEPASAN YANG SAMA

## TERHAD

Penentuan tingkat adalah bermula dengan tingkat bawah (*groundfloor*) dan seterusnya. Rujuk **Gambarajah 8**.



## PENENTUAN KEPERLUAN KESELAMATAN KEBAKARAN BAGI PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK / TASKA / TABIKA DAN TADIKA

8. Keperluan keselamatan kebakaran bagi Pusat Asuhan Kanak-Kanak/ TASKA / TABIKA dan TADIKA hendaklah di kaji secara menyeluruh iaitu Pepasangan Keselamatan Kebakaran sedia ada hendaklah dipatuhi dan berada dalam keadaan baik.

9. Keperluan keselamatan kebakaran.

a. *Means of Escape*

- i. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) jalan keluar termasuk pintu keluar dan tangga keluar.
- ii. Semua pintu yang digunakan sebagai pintu keluar daripada mana-mana bahagian atau menuju ke kawasan terbuka, pintu dibuka ke arah keluar.
- iii. Tangga, koridor dan lorong yang menuju ke tempat keluar hendaklah ditempatkan berasingan atau terlindung untuk mengelakkan apa-apa bahaya kepada penduduk pusat tersebut daripada bahaya yang berpunca dari pendudukan yang lain atau asap.

## TERHAD

- iv. Semua pintu keluar dan laluan keluar yang dilalui oleh penghuni dalam perjalanan ke kawasan terbuka hendaklah tidak dihalang, tidak berkunci, berselak atau mempunyai pemasangan lain sepanjang tempoh pendudukan.
  - v. Semua tempat keluar kecemasan hendaklah diadakan tanda 'KELUAR' dan hendaklah diterangi berterusan sepanjang tempoh pendudukan.
  - vi. Suatu tanda 'KELUAR' dengan anak panah yang menunjukkan arah, hendaklah diletakkan di laluan menuju pintu keluar yang terdekat.
  - vii. Bagi Pusat Asuhan Kanak-Kanak / TASKA / TABIKA dan TADIKA yang berada di tingkat atas bangunan pejabat, kedudukannya hendaklah tidak melebihi 15 meter dari tangga.
- b. Dinding pengasing atau dinding petak.
- i. Dinding pengasing atau dinding petak hendaklah mempunyai ketahanan api tidak kurang dua jam.
  - ii. Dinding dalaman hendaklah mempunyai ketahanan api tidak kurang setengah jam.
  - iii. Kemasan pada dinding hendaklah dari jenis '*Surface spread of flame*' jenis kelas 'O'.
10. Alat pemadam api.
- a. Hendaklah dilengkapi dengan alat pemadam api sepertimana MS 1539: *Specification for Portable Fire Extinguisher*.
  - b. Penempatan alat pemadam ini pada jalan keluar dan hendaklah mudah untuk dilihat dan dicapai.
11. Aktiviti Memasak.
- a. Had aktiviti memasak adalah berdasarkan syarat seperti berikut:
    - i. Dibenarkan dengan hanya menggunakan peralatan elektrik atau dapur elektrik; atau
    - ii. Dibenarkan penggunaan dapur gas (LPG) sekiranya terdapat

## TERHAD

pengasingan diantara ruang dapur dan ruang lain berdasarkan peruntukan UUK139.

12. Pusat Asuhan Kanak-Kanak / TASKA / TABIKA dan TADIKA yang menjalankan aktiviti selepas waktu pejabat dikehendaki menyediakan pencahayaan kecemasan (*emergency light*).
13. Mematuhi jarak perjalanan dan jumlah kependudukan di dalam sesuatu ruang berdasarkan kepada Jadual Ketujuh, UUKBS 1984.
14. Dikehendaki memasang alat pengesan asap dari jenis *self-contained smoke detector*. Pemasangan itu hendaklah dibuat di tempat strategik dan mempunyai risiko kebakaran seperti di bilik tidur, ruang tamu atau ruang aktiviti. (UUKBS 225).
15. Pemasangan jeriji pada pintu dan tingkap hendaklah yang boleh dibuka dari dalam ketika kecemasan.
16. Mengadakan pelan lantai kecemasan (*evacuation diagram*) di setiap aras dan diletakkan di tempat yang mudah dilihat.
17. Mengadakan latihan pengungsian bangunan sekurang-kurangnya dua kali setahun melalui pemantauan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
18. Hendaklah memastikan sistem keselamatan kebakaran yang sediaada dalam premis yang dicadangkan diselenggara secara berkala serta semua sistem tersebut berada dalam keadaan baik.
19. Penguatkuasaan dan Kesedaran Awam
  - a. JBPM perlu menjalankan aktiviti pemeriksaan bagi penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (penghapusan bahaya kebakaran dan perakuan bomba) secara berjadual.
  - b. Menjalankan aktiviti ceramah kebombaian dan aktiviti kempen kesedaran awam secara berkala.

**PELAKSANAAN SOKONGAN PELESENAN PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK/  
TASKA / TABIKA DAN TADIKA**

20. Semua permohonan Pusat Asuhan Kanak-Kanak / TASKA / TABIKA dan TADIKA hendaklah diproses di peringkat JBPM Ibu Pejabat Negeri dan Zon sahaja.
21. Permohonan hendaklah mengikut tatacara pemprosesan sepertimana Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 5 Tahun 2013 – Garis Panduan Pemprosesan Sokongan Pelesenan Perniagaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
22. Setiap permohonan hendaklah melalui agensi pengeluar lesen yang berkaitan.

**PENGUATKUASAAN**

23. Tindakan penguatkuasaan hendaklah dilaksanakan sekiranya keperluan keselamatan kebakaran tidak dipatuhi.

**TARIKH BERKUATKUASA**

24. Perintah Tetap Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2022 - Penentuan Keperluan Pemasangan Keselamatan Kebakaran (PKK) bagi Pusat Asuhan Kanak-Kanak / TASKA / TABIKA dan TADIKA adalah berkuatkuasa mulai pada tarikh ianya ditandatangani oleh YAS Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**PEMBATALAN ARAHAN TERDAHULU**

25. Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2015 - Garis Panduan Keperluan Keselamatan Kebakaran Bagi Pusat Asuhan Kanak-Kanak / TASKA / TABIKA adalah **DIBATALKAN**.

## TERHAD

### PENUTUP

26. Ketua Pengarah dengan ini berhak untuk meminda atau membuat sebarang arahan-arahan lain selain daripada arahan-arahan yang terdapat di dalam arahan ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.

27. Adalah diharapkan dengan adanya Perintah Tetap ini, segala aktiviti berkaitannya dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.



.....  
**(DATO' SRI Ts. MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID)**

Ketua Pengarah,

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

22 Ogos 2022

#### Salinan kepada:

- YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
- Semua YS Pengarah Bahagian
- Semua YS Pengarah Negeri
- Semua YS Komandan ABPM
- Semua Ketua Zon
- Semua Ketua Balai